

Pas akui kemajuan negara 20 tahun

UM 18 JUL 2001
Oleh WAN ZULKIFLI WAN YAACOB

HULU TERENGGANU 17 Julai — Timbalan Presiden Pas, Abdul Hadi Awang berkata parti itu tidak menafikan kemajuan yang dicapai oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sepanjang 20 tahun beliau menjadi Perdana Menteri.

Menteri Besar Terengganu itu berkata rakyat telah menikmati kemajuan dari segi kemudahan dan juga teknologi maklumat yang diusahakan oleh Dr. Mahathir yang

genap 20 tahun menjadi Perdana Menteri semalam.

"Kita sanjung juga dengan sistem demokrasi yang masih wujud di negara ini, pilihan raya masih ada dan kita juga ambil bahagian," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Abdul Hadi berkata lebih banyak perubahan boleh dibuat selepas 40 tahun negara merdeka terutama dari segi memerdekakan pemikiran rakyat termasuk memberi kebebasan berfikir.

Beliau menyatakan demikian ketika di-

minta mengulas genapnya tempoh dua dekad Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri semalam.

Dr. Mahathir dilaporkan sebagai berkata, pencapaian terbaiknya sepanjang menjadi Perdana Menteri ialah Malaysia mengekalkan keharmonian dan kestabilan.

Sementara itu di Kuala Lumpur, Setiausaha Agung DAP, Kerk Kim Hock berkata, beliau melihat PM sebagai pemimpin yang bertanggungjawab membawa pembangunan kepada Malaysia.

"Saya berpendapat pencapaian yang ter-

di bawah Mahathir

besar ialah pencapaiannya dari segi pembangunan ekonomi," katanya yang dihubungi hari ini.

Beliau berkata, sepanjang 20 tahun pimpinan Dr. Mahathir, telah banyak kemajuan disaksikan termasuk tahun-tahun di mana ekonomi negara dapat membangun dengan pesat.

Ketua Pemuda Pas Pusat Mahfuz Omar, menyifatkan ekonomi negara sekarang semakin bertambah baik dari tahun-tahun sebelumnya.

"Namun itu tidak membuktikan apa-apa

kerana ia baik dari segi angka sahaja tetapi dari segi pengagihan kekayaan itu tidak secara menyeluruh," katanya.

Beliau berkata, pengagihan kekayaan sepatutnya diberikan secara adil kepada setiap anggota masyarakat.

Parti Keadilan Nasional yang dihubungi enggan memberikan sebarang kenyataan.

Menurut Timbalan Presidennya, Chandra Muzaffar berkata, beliau tidak mahu perkara yang dinyatakan nanti akan diputar belitkan oleh media.